

BAB I

Bab I

Pendahuluan

1.0 Pengenalan

Muhammad al-Ghazālī al-Saqā merupakan seorang tokoh ulama, sarjana dan pemikir Islam abad ini. Beliau telah menghasilkan lebih daripada 60 buah buku dan empat daripadanya adalah mengenai pemikiran tentang al-Qur'ān sebagai penggerak kebangkitan umat. Buku-buku tersebut ialah *Nazarāt fī al-Qur'ān*, *Maḥāwar al-Khamsah fī al-Qur'ān*, *Kayfa Nata'āmal Ma'a al-Qur'ān* dan *Nahw Tafsīr al-Mawdu'iyy*. Pengalamannya lebih daripada 50 tahun yang dihabiskan atas pentas dakwah Islamiah perlulah digarap oleh generasi kini terutama mutiara-mutiara penulisannya. Pemikirannya yang bernas serta tajam menjadikannya sebaris dengan ulama-ulama besar untuk mengisi era kebangkitan Islam sejagat. Beliau begitu gigih dan berani dalam mengatakan kebenaran. Sejak tahun 1948, beliau telah menggarang buku dalam bidang pemikiran. Buku yang pertama iaitu *al-Islām wa al-Awāla' al-Iqtisādiyyah fīlislam dan Kedudukan Ekonomi*). Tulisan-tulisannya memberi semangat baru kepada kebangkitan umat Islam.

Keistimewaan Muḥammad al-Ghazālī dalam karyanya *Kayfa Nata'āmal Ma'a al-Qur'ān* ialah kematangan pemikiran beliau sehingga dapat memberikan gambaran yang cukup objektif, relevan dan meyakinkan. Buku ini ditulis pada masa ketiga dalam period umurnya.¹ Karya ini mengupas perkara pengajian dan metode berinteraksi dengan al-Qur'ān secara betul.

Buku ini telah diterbitkan oleh Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT) dengan kerjasama Dār al-Wafā', al-Qāhirah pada tahun 1992 dalam bahasa Arab yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Malaysia. Edisi Bahasa Malaysia diterbitkan oleh ABIM pada tahun 1994. Buku ini mempunyai kekuatan metodologi hasil gabungan daripada khazanah ilmu zaman silam serta pandangan-pandangan terkini. Karya ini diharapkan membuka minat sarjana muslim serta masyarakat untuk mengkaji pendekatan al-Qur'ān sebagai pemangkin kebangkitan umat.

¹ Tāriq Bushrā membahagikan buku-buku Muḥammad al-Ghazālī kepada tiga period iaitu semenjak beliau mula mengarang sehingga tahun 50an. Pada period ini beliau lebih menumpukan kepada penentangan komunis, kapitalis dan sekular. Period kedua dari tahun 50an sehingga awal tahun 70an. Period ketiga dari tahun 70an sehingga meninggal dunia. (*Akhbār Liwā' al-Islāmī*, 28 Mac 1998, hal. 4)

1.1.1 Permasalahan

Dalam kajian ini, penulis akan menumpukan pandangan-pandangan Muḥammad al-Ghazālī dalam buku ini dengan memfokuskan kepada tiga perkara penting yang diutarakannya iaitu:

- a) Sebab-sebab krisis dan ciri-cirinya. Buku ini membincarakan sebab-sebab kemunduran Islam. Beliau mengisyaratkan bahawa krisis umat ialah krisis pemikiran yang merupakan isu paling utama. Kedangkalan ilmu, pemerintahan diktator, pergantungan kepada riwayat-riwayat yang lemah, kehilangan keutamaan, ketiadaan kajian mendalam dalam pemikiran al-Qur'ān yang ilmiah, kealpaan kepada *fīqh al-hadīrī*, kerosakan manhaj pembelajaran al-Qur'ān, mengkuduskan pemikiran-pemikiran Yunani merupakan antara sebab-sebab krisis pemikiran umat.

- b) Metodologi berinteraksi dengan al-Qur'ān. Beliau membahaskan aliran-aliran yang besar dalam sejarah dahulu dan pada masa kini, menerangkan kecuaian umat semasa berinteraksi dengan al-Qur'ān. Muḥammad al-Ghazālī membongkar semula metode-metode yang perlu diambil oleh umat supaya mencapai kefahaman yang sahih mengenai al-Qur'ān. Oleh itu, pengkajian ini akan memberi tumpuan kepada metode yang dipilihnya dalam

pentafsiran al-Qur'ān dan bagaimana ia mampu menceriakan pendisiplinan ilmu. Kajian ini juga akan membicarakan tentang aliran-aliran pentafsiran al-Qur'ān dan pentafsiran manakah yang paling relevan dan sesuai untuk ditonjolkan masa kini. Secara ringkasnya, penulis akan menyentuh mengenai aliran *Tafsīr al-Mawdu'iyy* (Tafsiran Secara Bertema) yang disebut oleh Muḥammad al-Ghazālī bahawa aliran ini lebih mampu berbakti kepada Islam dan menonjolkan matlamatnya.

- c) Manhaj yang menjadi alternatif semasa berinteraksi dengan al-Qur'ān. Muḥammad al-Ghazālī telah memberi panduan dalam memperbaiki metode pengajian al-Qur'ān dan institusi yang berkaitan dengannya supaya lebih aktif. Oleh itu, kajian ini akan melihat manhaj yang digagaskannya dalam memperbaiki hubungan al-Qur'ān.

Kajian ini mengupas tentang keperluan pemikiran Islam yang tepat dan syumul. Umat Islam pada hari ini masih lagi melihat bahawa pemikiran Islam ini merupakan satu bidang yang tidak penting. Dalam karya ini, Muḥammad al-Ghazālī banyak menekankan pembebasan akal dan peranannya dalam menerokai al-Qur'ān. Beliau menegaskan perlunya pemikiran syumul dalam mengadakan kajian terhadap al-Qur'ān. Antara pembicaraan yang terpenting juga ialah Sains

Kemanusiaan dan Ilmu Kemasyarakatan yang semakin hilang di kalangan umat Islam. Diharapkan kajian ini dapat mengenal pasti faktor-faktor yang diutarakan oleh Muḥammad al-Ghazālī yang menyebutkan bahawa al-Qur'ān sebagai suntikan pembinaan tamadun dan membentuk akhlak mulia. Di samping itu, ia memberi keyakinan bahawa formula pemikiran yang diambil dari al-Qur'ān adalah yang terbaik dan ilmiah. Kajian ini juga akan menjelaskan kepentingan kedudukan pemikiran dan akal dalam Islam seperti yang dinyatakan oleh Muḥammad al-Ghazālī dan kesan pengurungan akal serta membataskan pemikiran tersebut dengan fahaman silam sahaja.

Muḥammad 'Imārah menyebutkan bahawa Muḥammad al-Ghazālī merupakan scorang tokoh dari aliran menghidupkan pembaharuan Islam. Mereka ini berada dalam ***madrasah Aṣālah al-Fikriyyah Fi Shari'atinā wa Tasri'atinā***. (aliran pemikiran asli dalam syariah dan perundangan).² Penulis akan mengenal pasti perkara ini dalam buku-bukunya terutama bukunya *Kayfa Nata'āmal Ma 'a al-Qur'ān*.

² Antara mereka yang berada dalam aliran ini ialah Muḥammad 'Abduh, Rashid Riḍā, Mahmūd Shaltūt, Abd Allāh Darrāz, Muḥammad al-Khuḍārī dan Muḥammad Abū Zahrah. Muḥammad 'Imārah membahagikan kepada empat aliran terpenting iaitu :

1. **Madrasah al-Ra'y** – Fuq̄ha yang lebih mirip melihat kepada suasana dan keadaan dalam mentafsirkan sesuatu *naṣ*. Mereka mentafsirkannya berdasarkan keadaan sekeliling. Aliran ini bukan aliran yang menafikan *naṣ* tetapi ia hanya manhaj berinteraksi semasa berijtihad bagi menghasilkan hukum.
2. **Madrasah al-Athār** – Mereka tidak mengingkari aliran *al-Ra'y* secara mutlak tetapi lebih kepada zahir *naṣ* dan pendekatan *harfiah*.

Karya ini juga memaparkan salah satu aspek iaitu *naskh* di dalam al-Qur'an di mana setengah ulama mentafsirkan *naskh* itu sebagai menamatkan hukum-hukum sebahagian ayat al-Qur'an atau mengangkatnya. Muhammad al-Ghazālī tidak bersetuju dengan definisi ini dan menolaknya dengan mengemukakan alasan-alasan berdasarkan susunan ayat dan perkaitannya, di samping mengemukakan pendapat sesetengah ulama yang mutakhir. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji pandangannya tentang *naskh* sambil membandingkan dengan pendapat-pendapat ulama yang lain. Penulis akan membicarakan tentang takrif sebenar *naskh* dan bagaimana fungsi sebenarnya mengikut pandangan ulama.

3. **Madrasah Muwázanah wa Tarjih bayn Madrasah al-Ra'y wa al-Athár** (aliran pertimbangan dan *tarjih* antara aliran akal dan *naṣ*) Antara pelopor aliran ini ialah Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim.
4. **Madrasah Aṣalah al-Fikriyyah fi Shari'atinā wa Tasrī'atinā** (aliran pemikiran asli dalam syariat dan perundangan). Mereka ini termasuk dalam golongan yang mahu menghidupkan pembaharuan pemikiran Islam. Mereka bergantung kepada aliran *Athār* dan akal, mengikuti manhaj *mawāzanat* (pertimbangan) dan *tarjih* tetapi berbeza dari madrasah Ibn Taymiyyah tadi. Mereka membuat *tarjih* lebih kepada akal beserta dalil, mengiktibarkan dalil-dalil akal merupakan asal bagi *naṣ*, lebih mengutamakan al-Qur'an dari al-Sunnah, bergantung kepada *naṣ-naṣ* kitab lebih dari *ḥadīth ahād*, mengingkari *naskh* yang membatalkan ayat-ayat terdahulu, mengambil fikrah-fikrah mazhab yang bersesuaian, mengingkari *taqīd* dan sentiasa menghormati ilmu ulama muktabar dan tidak bersandarkan kepada mana-mana aliran lama dan baru.

Di samping itu terdapat satu lagi aliran yang lebih kepada aliran pemilihan individu (aliran *talfiq* di antara berbagai pandangan). Mereka ini muncul pada abad 13 dan 14 hijrah yang mahu keluar dari jumud pemikiran dan yang sentiasa terikat dengan matan-matan fiqh semata-mata. Mereka ini seperti al-San'āñi, al-Shawkāñi, Sayyid Sābiq, Siddiq Khān dan Naṣr al-Dīn al-Bāñi. (Muhammad 'Imārah, *Muhammad al-Ghazālī Ma'qū'a al-Fikr wa Ma'rakat al-Fikriyyah*, Hai'ah al-Miṣriyyah al-Ammah li Kitāb, al-Qāhirah, 1992. hal. 37-40)

Muhammad al-Ghazālī mempunyai pandangan mengenai konsep ijтиhad masa kini. Beliau melihat bagaimana fungsi ijтиhad yang sebenar dalam konteks zaman sekarang. Beliau berpendapat agar diperbanyakkan ijтиhad dalam lingkungan wawasan Islam, manakala ijтиhad dalam bidang ibadat sudah memadai. Oleh itu, kajian ini akan menerangkan bagaimana fungsi ijтиhad semasa dan adakah ijтиhad dianggap sebagai pendapat yang mutlak dan tidak boleh dikritik.

1.1.2. Metodologi Kajian

Metode yang digunakan dalam kajian ini ialah metode sejarah, metode dokumentasi dan metode komparatif. Metode sejarah ialah kajian tentang sejarah hidup, latar belakang kehidupan dan kesannya terhadap pemikiran beliau. Ia juga digunakan bagi mendapat data yang bernilai sejarah. Ini bertujuan menghubungkaitkan kejadian sejarah dengan kejadian masa kini dan masa hadapan. Metode ini digunakan dalam bab kedua. Metode dokumentasi ialah menganalisa mana-mana dokumen atau bahan bertulis yang mengandungi maklumat-maklumat mengenai perkara yang hendak dikaji. Metode ini digunakan dalam bab ketiga. Metode komparatif ialah membandingkan di antara data-data dan fakta yang diperolehi bagi mendapatkan hasil serta kesimpulan

penulis terhadap kajian yang dibuat. Metode ini digunakan dalam bab keempat dan kelima.

Kajian ini akan membuktikan bahawa al-Qur'ān merupakan asas-asas pendidikan, bukan sekadar *tarbiyyah* kejiwaan, tetapi juga *tarbiyyah* mental di mana akal pemikiran manusia mestilah dibebaskan dari dari ikatan yang karut supaya mampu bergerak. Malahan al-Qur'ān bertujuan membina dan melahirkan pemikiran yang eksperimental. Penulis mendapati bahawa golongan ulama daripada *madrasah al-Manār*³ selalu menulis tentang bagaimana al-Qur'ān sebagai penggerak dan pencetus idea. Menurut pandangan Muḥammad al-Ghazālī bahawa ulama terkemuka, mereka menjadi besar bukan kerana berpegang kepada satu mazhab atau satu aliran pemikiran, tetapi mereka menjadi besar kerana berpegang kepada al-Qur'ān yang mereka fikirkan semua paksi persoalan, dimensi dan lapangannya. Inilah yang menjadikan mereka imam yang muktabar. Kajian bahagian ini lebih kepada metode dokumentasi.

Kajian ini juga akan mengumpulkan pandangan-pandangan Muḥammad al-Ghazālī tentang cetusan pemikiran al-Qur'ān dalam buku-buku karangannya yang lain. Penulis akan mengenalpasti,

³ Istilah ini digunakan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī kepada golongan Muḥammad 'Abduh dan Rashīd Ridā dan mereka yang mendapat didikan daripada kedua-dua tokoh tersebut.

menyusun dengan terang dan menjelaskan maksud daripada pandangan beliau serta mengambil pandangan sarjana-sarjana muslim yang lain dalam membahaskan formula kebangkitan hidup yang berteraskan kepada al-Qur'ān seperti pandangan Muḥammad Rāshīd Riḍā, Ḥasan al-Bannā dan Yūsuf al-Qaraḍāwī. Di samping itu, pendekatan ijtihad dan garis pemikiran yang bersumberkan al-Qur'ān dan al-Sunnah juga diambil kira sebagai langkah membantu penulis untuk memajukan satu pendekatan pemikiran Islam yang terang dan sistematik. Mudah-mudahan kajian ini akan membuka ruang pemikiran yang baru dalam kelesuan pemikiran kaum muslimin dan ummah. Kajian ini akan menyajikan kepada manusia tentang pemikiran Islam yang tulen berdasarkan kepada al-Qur'ān yang merupakan satu-satunya alternatif terbaik kepada pembinaan tamadun manusia. Ia merupakan satu konsep dan pendekatan yang lengkap yang menegaskan kepentingan bersama, saling memahami dan menghargai satu sama lain. Tumpuan bahagian ini lebih kepada metode komparatif.

Kajian ini hanya dilakukan dengan merujuk kepada buku-buku, jurnal-jurnal, kertas kerja, majalah, akhbar dan sebarang bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian ini lebih bersifat penyelidikan di perpustakaan. Antara perpustakaan yang digunakan ialah Perpustakaan Besar Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa

Malaysia, Gombak, Perpustakaan Maktab Perguruan Islam, Bangi dan Perpustakaan Awam Pusat Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur.

1.1.3. Objektif Kajian

Objektif pertama ialah untuk memperkenalkan Muḥammad al-Ghazālī sebagai seorang tokoh ulama, sarjana dan pemikir Islam abad ini. Hasil kajian ini nanti insya-Allah dapat digunakan oleh generasi baru bagi mengenali para ulama yang telah berjasa kepada dunia ilmu Islam. Di samping itu juga penulis akan memperkenalkan buku-buku yang dikeluarkan oleh Muḥammad al-Ghazālī selama penglibatannya dalam medan dakwah dan pemikiran.

Objektif yang kedua ialah merangka satu alternatif baru mengenai pemikiran Islam pada zaman moden ini dengan mengambil kira pelbagai aspek berdasarkan sumber-sumber asal dalam syariat Islam.

Objektif ketiga ialah membuka ruang pemikiran Islam semasa dengan meneliti pendapat ulama silam dan ulama masa kini dalam merumus semula metodologi pemikiran masa depan (*al-Fikr al-Mustaqbal*).

Objektif keempat ialah menjadikan agama Islam dan sistem-sistemnya sebagai satu-satunya alternatif terbaik bagi seluruh manusia sejagat tentang keamanan, kemajuan, kesejahteraan dan keadilan.

Objektif yang kelima ialah membuka ruang pintu ijtihad dalam bidang pemikiran Islam. Kajian ini akan mengenalpasti perkara yang sabit dan perkara yang berubah-ubah dalam pemikiran Islam.

1.1.4. Kajian Terdahulu

Kajian perbincangan dan perbicaraan mengenai pemikiran Islam abad ini, bukanlah merupakan sesuatu kajian baru, nisbah kepada dunia ilmu Islam. Ramai para pengkaji dari berbagai-bagai bangsa telah membuat kajian tentang pemikiran Islam dari kalangan tokoh-tokoh ulama dan sarjana Muslim. Penulis mendapati kajian mengenai pemikiran Muḥammad al-Ghazālī telah dilakukan oleh Noor Amali bin Daud di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada tahun 1999. Tajuk disertasinya ialah *Tajdid al-Fikr : Analisa Pemikiran Syeikh Muhammad al-Ghazali*. Dalam kajianya, beliau menumpukan mengenai *tajdīd* yang dilakukan oleh Muḥammad al-Ghazālī terutama dalam bidang akidah. Oleh kerana kajian mengenai pemikirannya masih terlalu sedikit, perkara ini telah menarik minat dan mendorong penulis untuk membuat kajian tersebut. Walaupun begitu, satu Seminar Pemikiran

Muhammad al-Ghazālī telah diadakan di Amman pada 4 Safar 1417. Seminar ini membicarakan sumbangan pemikiran Muhammad al-Ghazālī kepada dunia pemikiran Islam. Hasil seminar ini telah dibukukan dan diterbitkan oleh IIIT, Amman dengan judul *al-Atū' al-Fikrī li Shaykh Muhammad al-Ghazālī*.

Antara faktor yang menggerakkan penyelidikan dalam bidang pemikiran Islam ialah dari aspek penulisan Muhammad al-Ghazālī yang masih lagi belum diulas, dikaji dan diteliti secara mendalam oleh para sarjana dan penuntut ilmu. Tidak dinasikan lagi, ketokohnanya dalam bidang pemikiran Islam begitu terserlah dan mutiara penulisan beliau perlu dikaji oleh penuntut-penuntut ilmu pada masa kini.

Faktor yang kedua ialah menangkis serangan pemikiran dari barat ataupun dari kalangan umat Islam yang menyebutkan bahawa pemikiran yang dicetuskan oleh al-Qur'an sebagai satu yang tidak relevan pada zaman sekarang. Mudah-mudahan kajian secara objektif ini dapat membuktikan bahawa cetusan pemikiran dari al-Qur'an dapat membawa manusia ke arah kemajuan.

Faktor yang ketiga ialah fenomena masyarakat dan negara Malaysia kini yang memerlukan satu bentuk atau gagasan yang asli dan

tulen bersumberkan dari al-Qur'ān. Demikianlah tiga faktor yang mendasari kajian untuk diselidiki oleh penulis.

1.1.5. Rangka Kajian

Kajian ini bermula dengan sejarah hidup Muḥammad al-Ghażālī, latar belakang penglibatannya dengan Ikhwān Muslimūn di Mesir terutama dengan pengasasnya Ḥasan al-Bannā. Kemudian penulis akan membicarakan tentang guru-gurunya, sahabat-sahabat seangkatan dengannya serta murid-muridnya. Di samping itu, penulis juga akan menceritakan tentang kegigihan beliau dalam perjuangannya menegakkan kebenaran di Mesir dan dunia Islam keseluruhannya. Perkara ini amat penting dikupas supaya dapat memberi gambaran mengenai suasana yang mempengaruhi jiwa dan pemikirannya.

Penulis berkeyakinan penggalian khazanah penulisan beliau merupakan faktor penting dalam merangka pemikiran Islam masa kini. Pengalaman-pengalaman dakwahnya amat bermanfaat dikaji dan diselidik bagi menghasilkan satu rumusan dan natijah yang terbaik untuk umat Islam dalam membina alam pemikiran dan idea semasa yang memaparkan wawasan serta alternatif baru. Perkara ini membolehkan umat Islam mengisi-ganti kegagalan pemikiran Barat yang

hanya memfokuskan persengketaan dan faktor-faktor negatif dalam hubungan sesama manusia yang akhirnya mengakibatkan kemusnahan.

Bab pertama menyentuh mengenai latar belakang kajian, matlamat dan skop. Di samping itu, menjelaskan tujuan kajian dan sebab-sebab pemilihan kajian tersebut. Dalam bab kedua ini mengandungi kajian mengenai sejarah hidup Mu^{hammad} al-Ghazālī, kelahiran, hubungannya dengan Hasan al-Bannā, guru-guru dan murid-murid. Bab ini juga menyentuh kegiatan beliau dalam arena akademik, pujian ulama kepadanya serta kematiannya. Di samping itu, kajian ini menyentuh mengenai buku-buku karangannya dan Mu^{hammad} al-Ghazālī sebagai pemikir. Dalam kesimpulan bab ini, penulis akan membicarakan aspek-aspek penting pemikiran Mu^{hammad} al-Ghazālī.

Bab ketiga secara keseluruhannya menyentuh tentang kajian serta analisa secara ringkas kepada buku-buku bidang al-Qur'ān yang dikarang olehnya. Buku-buku tersebut ialah buku *Nazarāt fī al-Qur'ān*, *Mahāwar fī al-Qur'ān*, *Nahw Tafsīr al-Mawdū'iyy*. Di samping itu, penulis akan membincangkan mengenai *naskh*, *Ijāz* dan *ḥadīth ahād*.

Bab keempat merupakan analisis penulis terhadap pemikiran Mu^{hammad} al-Ghazālī. Bab ini akan membincangkan secara khusus mengenai *naskh*, *Ijāz* dan pandangannya terhadap penggunaan *ḥadīth*

terutama *hadīth ahād*. Di samping itu juga, pendapat serta pandangan ulama lain dimuatkan sebagai perbandingan bagi membuat rumusan dan kesimpulan.

Dalam bab kelima, penulis akan membuat kesimpulan, cadangan, rumusan serta alternatif baru dalam membina semula pemikiran Islam. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada umat Islam dalam mengembalikan Islam sebagai pembina tamadun *Khayra ummah*.